



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI EKONOMI**

**INFLASI MALAYSIA PADA JANUARI 2023 MEREDA KEPADA 3.7%  
BERBANDING 3.8% PADA BULAN SEBELUMNYA**

1. Kadar inflasi Malaysia pada Januari 2023 terus menyederhana kepada 3.7% berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, seperti mana yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 24 Februari 2023.

Ogos 2022	September 2022	Oktober 2022	November 2022	Disember 2022	Januari 2023
4.7%	4.5%	4.0%	4.0%	3.8%	3.7%

*Kadar inflasi tahun ke tahun Ogos 2022-Januari 2023*

2. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, kenaikan inflasi bagi bulan Januari 2023 ialah 0.2%, berkadaran sama dengan yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.
3. Kenaikan inflasi bagi bulan Januari 2023 masih didorong oleh peningkatan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, namun ianya telah menyederhana kepada 6.7%, berbanding 6.8% pada bulan sebelumnya. Dua (2) lagi kumpulan dalam kelompok tiga (3) wajaran tertinggi turut menyederhana atau mencatatkan kadar yang sama, iaitu Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (kekal 1.5%) dan Kumpulan

Pengangkutan yang mereda kepada 4.0% berbanding 4.9% pada bulan sebelumnya.

4. Kementerian juga meneliti kenaikan harga barang sewaktu musim Tahun Baru Cina. Pertumbuhan bulan ke bulan pada tahun 2023 (0.2%) adalah rendah berbanding tahun 2021 (0.3%) dan 2022 (0.24%). Hal ini amat menggalakkan kerana membuktikan bahawa Malaysia telah berjaya meredakan kadar kenaikan harga di samping kekangan rantai bekalan global (*'global supply chain constraints'*) dan lonjakan permintaan bermusim (*'seasonal spike in demand'*).
5. Di samping itu, Program Penyeragaman Harga (PPH) diteruskan oleh Kerajaan bagi menyeragamkan harga 7 barang asas yang terlibat iaitu beras putih, gula, minyak masak 1 kilogram, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel bagi memastikan bekalan barang tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan program ini akan membolehkan semua rakyat membeli barang keperluan pada harga yang seragam.
6. Bagi menstabilkan harga makanan pada paras yang mampu beli, kerajaan sedang menggunakan strategi pelbagai serampang yang mempengaruhi seluruh rantai makanan, daripada bahan mentah sehingga ke makanan di luar rumah. Inisiatif seperti Menu Rahmah dan Inisiatif Pendapat Rakyat yang membekalkan makanan siap pada harga RM2 bukan sahaja memberi pilihan yang murah kepada pengguna, malah mendorong persaingan yang lebih segar di pasaran. Mutu inisiatif ini sudahpun mula dilihat. Sebagai contoh, inflasi IHP bagi komponen Makanan di Luar Rumah telah mereda buat pertama kali sejak Ogos 2021, daripada 9.6% pada bulan Disember 2022 ke 9.3% pada Januari 2023. Kerajaan akan memastikan kesinambungan usaha sebegini agar terus meringankan beban rakyat.

7. Tumpuan jangka pendek kepada kebertanggungjawaban harga berpatutan (*'fair price accountability'*) akan berterusan dengan pembangunan ekosistem berasaskan data-data harga dari seluruh negara, demi menyuntik keanjalan harga dan bekalan.

**YB RAFIZI RAMLI**

**06 MAC 2023**